

TEMA 1 : ISLAM SEBAGAI AL-DIN
Pelajaran 1 : Islam Adalah Cara Hidup
BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 7

1. Asas atau prinsip yang mendasari sesuatu
2. Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.
3. Sesuatu hal yang ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhlukNya sebelum makhluk itu dijadikan.
4. Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama sehingga kurun ketiga hijrah.

Berdasarkan situasi di bawah, tulis istilah yang sesuai.

5. Ali takut melakukan maksiat kerana Yakin Allah SWT Maha Melihat
6. Ahmad seorang usahawan berjaya yang tidak mengabaikan pembayaran zakat.
7. Salmah konsisten berbuat baik dan menyeru kawan-kawannya berbuat kebaikan kerana percaya dan yakin akan balasan baik di akhirat.

Soalan 8 hingga Soalan 15

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.


8. _____ ialah penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT.
9. Ibadah _____ yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratulihram dan disudahi dengan salam.
10. _____ bermaksud mengeluarkan harta yang tertentu pada kadar tertentu dengan syarat-syarat tertentu.
11. Ibadah dengan cara menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkan _____ dari terbit fajar sehingga terbenam matahari berserta dengan niat.

- 12 _____ di mana manusia melakukan ibadah dan pekerjaan dengan penuh kesungguhan semata-mata kerana Allah SWT.
- 13 Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan termaktub dalam sebuah hadis yang masyhur yang dikenali sebagai _____.
- 14 _____ ialah kamu menyembah Allah SWT seolah-oleh kamu melihat-Nya dan jika kamu tidak melihat-Nya, maka ketahuilah bahawa Dia melihat kamu.
- 15 Malaikat _____ mendatangi Rasulullah SAW untuk mengajar tentang Islam.

Soalan 16 hingga Soalan 17 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup.




Rajah 1

- 16 X ialah _____
- 17 Y ialah _____

Soalan 18 hingga Soalan 21 berdasarkan rajah 2 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 2 merupakan tindakan yang perlu dilakukan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup.



Rajah 2

18 P ialah _____

19 Q ialah _____

20 R ialah _____

21 S ialah _____

Soalan 22 hingga Soalan 27.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 22 | Melakukan ibadah haji sekali seumur hidup. | <input type="checkbox"/> |
| 23 | Mengucap dua kalimah syahadah adalah asas kepada penerimaan sesuatu ibadat oleh Allah SWT. | <input type="checkbox"/> |
| 24 | Malaikat adalah makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT daripada angin. | <input type="checkbox"/> |
| 25 | Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah. | <input type="checkbox"/> |
| 26 | Para nabi dan rasul ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepada mereka. | <input type="checkbox"/> |
| 27 | Ihsan terhasil daripada gabungan sifat ikhlas serta perasaan takut kepada Allah SWT. | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Apakah maksud Islam sebagai al-Din?

[2 markah]

- (ii) Nyatakan pengertian Islam dari segi istilah.

[2 markah]

- (iii) Nyatakan pengertian Iman dari segi istilah.

[2 markah]

- (b) Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan termaktub dalam hadis yang masyhur.

- (i) Senaraikan **enam** rukun Iman.

[6 markah]

- (ii) Senaraikan **lima** rukun Islam.

[5 markah]

- 2 (a) Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Ihsan ialah kamu menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihat-Nya dan sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya, maka yakinlah Allah SWT melihat perbuatan dan amalan kamu."

- (i) Nyatakan maksud Ihsan.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** contoh aplikasi nilai ihsan dalam kehidupan.

[4 markah]

- (b) Huraikan **dua** kepentingan Rukun Islam dalam kehidupan.

[4 markah]

- (c) Huraikan **dua** kepentingan Rukun Iman dalam kehidupan.

[4 markah]

- (d) Huraikan **dua** kepentingan Ihsan dalam kehidupan.

[4 markah]

- 3 (a) (i) Sifat ihsan dapat membantu mengawal tingkah laku negatif dalam penggunaan telefon pintar dalam kalangan murid. Berikan hujah anda.

[4 markah]

- (b) Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT serta menambahkan ketakwaan dan keimanan.

- (i) Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas.

[1 markah]

- (ii) Senaraikan **lima** solat yang diwajibkan untuk ditunaikan kepada semua umat Islam.

[5 markah]

- (iii) Ibadah solat yang terkandung dalam Rukun Islam adalah satu kewajipan, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak menitik beratkan suruhan Allah SWT ini.

Berikan pandangan anda, mengapakah perkara ini berlaku dalam masyarakat kita hari ini.

[6 markah]

Pelajaran 2 : Akidah Menurut Islam

BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 8

- 1 Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- 2 Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- 3 Dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.
- 4 Dalil yang lahir daripada akal yang sejahtera.
- 5 Berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dan berdoa.
- 6 Berusaha bersungguh-sungguh serta meningkatkan ibadah untuk beroleh keredaan Allah SWT.
- 7 Menilai dan melihat kekurangan diri.
- 8 Perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar.

Soalan 9 hingga Soalan 13


Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 9 Allah SWT memiliki nama-nama yang _____.
- 10 Setiap mukalaf perlu meyakini Allah SWT itu wujud, tetapi hakikat _____ Allah SWT tidak dapat diketahui oleh manusia.
- 11 Perbuatan Allah SWT adalah setiap perlakuan yang dilakukan oleh-Nya dengan penuh kebijaksanaan dan keadilan berdasarkan kekuasaan-Nya (Qudrat) dan kehendak-Nya (_____).
- 12 _____ kepada Allah SWT ialah senjata orang Mukmin.
- 13 _____ ialah menyesal dan tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan.

Soalan 14 hingga Soalan 15 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan konsep akidah.



Rajah 1

14 Y ialah _____

15 X ialah _____

Soalan 16 hingga Soalan 19

Jadual di bawah berkaitan dengan sifat-sifat wajib rasul dan sifat – sifat mustahil rasul.

Sifat-sifat Wajib Rasul	Sifat-sifat Mustahil Rasul
As-siddiq	P
Q	Al-Khianah
At-Tabligh	R
S	Al-Baladah

16 P ialah _____

17 Q ialah _____

18 R ialah _____

19 S ialah _____

Soalan 20 hingga Soalan 23

Jadual di bawah berkaitan dengan kitab-kitab yang diturunkan kepada para nabi.

Nabi	Kitab
Nabi Muhammad SAW	K
L	Taurat
Nabi Isa a.s	M

N	Zabur
---	-------

20 K ialah _____

21 L ialah _____

22 M ialah _____

23 N ialah _____

Soalan 24 hingga Soalan 31.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 24 | Manusia tidak menyakini dan tidak percaya akan kewujudan perkara ghaib . | <input type="checkbox"/> |
| 25 | Antara sifat Allah SWT yang wajib diketahui ialah 20 Sifat Wajib, 20 Sifat Mustahil dan 1 Sifat Harus. | <input type="checkbox"/> |
| 26 | Berzikir mengingati Allah SWT dapat menenangkan jiwa orang yang beriman. | <input type="checkbox"/> |
| 27 | Kita mesti sentiasa mendekati diri dengan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Islam . | <input type="checkbox"/> |
| 28 | Memohon perlindungan hanyalah kepada Allah SWT. | <input type="checkbox"/> |
| 29 | Apabila berlaku sesuatu perkara kita hendaklah sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT. | <input type="checkbox"/> |
| 30 | Amalan tilik nasib dan ramalan bintang kelahiran adalah sesuatu yang dituntut dalam Islam. | <input type="checkbox"/> |
| 31 | Bersyukur apabila beroleh kejayaan adalah bukti amalan pegangan akidah yang benar. | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Apakah maksud akidah.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** tujuan diutuskan para rasul dan Nabi.

[4 markah]

- (b) Nyatakan **empat** contoh perkara Ghaibiyah.

[4 markah]

- 2 (a) Jelaskan **dua** pegangan akidah yang benar dalam kehidupan seharian kita.

[4 markah]

- (b) Tahap iman seseorang boleh bertambah dan berkurang. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melakukan amal yang baik supaya dapat merasai kemanisan iman dalam kehidupan.

- (i) Berikan **dua** pandangan anda, amalan yang amat berkaitan dengan pegangan akidah tersebut.

[4 markah]

- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan amalan akidah menurut Islam.

[6 markah]

- 3 (a) Huraikan **dua** amalan yang boleh menjadikan pembuktian pegangan akidah yang benar.

[6 markah]

- (b) Bincangkan implikasi pelaksanaan ibadah tanpa pegangan akidah yang betul.

[2 markah]

- (c) *"Dan sesungguhnya Kami telah memutuskan dalam kalangan setiap umat Islam seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka),"Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut (syaitan, berhala, roh-roh serta apa sahaja yang disembah selain Allah"...*)

(Maksud Surah al-Nahl 16:36)

Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan hujah anda mengapakah masih ada segelintir masyarakat yang masih mempercayai taghut walaupun telah diberi larangan oleh Allah SWT.

[6 markah]

Pelajaran 3 : Ibadah Menurut Islam

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 5

1. Kewajipan individu atas suatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukallaf.

- 2 Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajipan tersebut.
- 3 Semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.
- 4 Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bermasyarakat.
- 5 Orang-orang yang berhak menerima zakat.

Soalan 6 hingga Soalan 10


Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 6 Amalan pertama yang akan dihisab ialah _____.
- 7 Ibadah zakat terbahagi kepada zakat harta dan zakat _____.
- 8 Perintah _____ sebagai proses belajar.
- 9 _____ mempunyai tujuh rukun.
- 10 _____ menjadi bukti penyaksian Allah SWT sebagai pencipta dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT.

Soalan 11 hingga Soalan 12 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan pembahagian ibadah dalam Islam.



Rajah 1


11 Y ialah _____

12 X ialah _____

Soalan 13 hingga Soalan 15 berdasarkan rajah 2 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 2 merupakan amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT.



13 P ialah _____


14 Q ialah _____

15 R ialah _____

Soalan 16 hingga Soalan 18 berdasarkan rajah 3 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 3 merupakan amalan umum yang disyariatkan oleh Allah SWT



Rajah 3

- 16 S ialah _____
- 17 T ialah _____
- 18 U ialah _____

Soalan 19 hingga Soalan 22 berdasarkan jadual di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Jadual di bawah adalah berkaitan dengan Asnaf.

Kelompok yang berhak menerima zakat (Asnaf)
Asnaf fakir
V
W
Asnaf muafaf
Y
Asnaf gharimin
Z
Asnaf ibnu sabil

- 19 V ialah _____
- 20 W ialah _____
- 21 Y ialah _____
- 22 Z ialah _____

Soalan 23 hingga Soalan 27.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 23 Hubungan akidah dan ibadah adalah sangat erat.
- 24 Akidah merupakan ikatan hati dan perasaan manusia kepada manusia dan makhluk yang lain.
- 25 Ibadah merupakan gerak langkah manusia bagi meneguhkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT.
- 26 Melakukan penyelidikan dan inovasi yang boleh mendatangkan keburukan kepada masyarakat adalah amat digalakkan oleh Islam.
- 27 Puasa dapat merehatkan sistem pencernaan manusia.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Apakah maksud Islam ibadah?

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** konsep ibadah dalam Islam.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** syarat ibadah yang dapat memenuhi keperluan ibadah dalam Islam.

[4 markah]

- (b) Ibadah adalah pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepadaNya berdasarkan syariat Allah SWT..

- (i) Huraikan **tiga** amalan yang berkaitan dengan ibadah dalam Islam.

[6 markah]

- (ii) Terangkan **tiga** kepentingan ibadah menurut Islam.

[6 markah]

- 2 (a) Ibadah wajib perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan.
- (i) Senaraikan **empat** ibadah wajib yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** cara meningkatkan kualiti ibadah.

[4 markah]

- 3 (a) Semua amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat demi kebaikan dan keharmonian hidup bersama. Berikan pandangan anda, cara untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat melalui ibadah umum.

[4 markah]

Pelajaran 4 : Akhlak Menurut Islam
BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 2

1. Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah.
2. Akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan al-Sunnah daripada diamalkan.


Soalan 3 hingga Soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

3. Proses penyucian jiwa adalah bermatlamat untuk mencari _____ Allah SWT.
4. _____ ialah cerminan dari dalam diri seseorang yang mempunyai ilmu dan adab.
5. Akhlak _____ akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti.
6. Membina _____ yang baik mengikut al-Quran dan al-Sunnah.
7. Kepentingan akhlak menurut Islam adalah saling bertolak ansur dan _____.
8. Sentiasa _____ dalam memperbaiki diri .

Soalan 9 hingga Soalan 10 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan. Rajah 1 merupakan Proses Penyucian Jiwa.



Rajah 1

9 Y ialah _____

10 X ialah _____

Soalan 11 hingga Soalan 14 berdasarkan jadual di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

	Contoh Akhlak Mahmudah	Contoh Akhlak Mazmumah
Akhlak dengan Allah SWT	P	Putus asa
Q	Amanah	R
Akhlak dengan alam	S	Pengotor

11 P ialah _____

12 Q ialah _____

13 R ialah _____

14 S ialah _____

Soalan 15 hingga Soalan 19.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 15 Proses penyucian jiwa iaitu mengindahkan pekerti melalui kelakuan lahiriah.
- 16 Menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mazmumah.
- 17 Kita perlu mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW pada hari Maulidur Rasul sahaja.
- 18 Kita mestilah sentiasa berdoa agar dihiasi dengan akhlak mulia.
- 19 Islam menganjurkan agar manusia hormat menghormati orang-orang yang berkedudukan dan berpangkat sahaja. Puasa dapat merehatkan sistem pencernaan manusia.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud akhlak?

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** ciri-ciri akhlak menurut Islam.

[4 markah]

- (b) Firman Allah SWT :

" Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai budi pekerti yang tinggi"

(Surah al-Qalam 68:4)

- (i) Berdasarkan maksud firman Allah SWT di atas. Jelaskan contoh kisah sifat-sifat Rasulullah SAW yang berikut :

- a) Penyabar ..

- b) Pemaaf ..

- c) Pemurah ..

[6 markah]

2 (a) Akhlak terpuji akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti.

(i) Jelaskan **dua** kepentingan akhlak menurut Islam dari segi :

a) Individu :

b) Keluarga :

c) Masyarakat :

d) Negara :

[8 markah]

- (ii) Huraikan **dua** cara memupuk akhlak mulia dalam mewujudkan suasana yang aman.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** amalan akhlak Islam yang dapat dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

[6 markah]

3



- (a) Bersetujukah anda dengan perbuatan di dalam gambar di atas. Kemukakan hujah anda, mengapakah perkara ini masih lagi berlaku walaupun seringkali diwar-warkan tentang keburukannya.

[6 markah]

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 6

1. Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT.
2. Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.
3. Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.
4. Islam ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
5. Tetap dan teguh iaitu perkara yang tetap(qat'iy), tidak boleh diubah dasar, prinsip serta perlaksanaannya menurut Islam.
6. Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

Soalan 7 hingga Soalan 9

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

7. Sikap _____ perkauman sangat ditentang oleh Islam.
8. Jika terdapat sesuatu kesukaran pasti ada pemudah cara untuk meyelesaikannya berdasarkan prinsip _____ dan thabat.
9. Islam adalah agama _____ iaitu setiap suruhan dan tegahan mempunyai manfaat rohani dan jasmani.

Soalan 10 hingga Soalan 14 berdasarkan jadual di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Ciri-ciri Prinsip Pandangan Hidup Islam	
J	Syumuliyah
Islam ialah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT	K
L	Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu.
Islam ialah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu.	M
N	

- 10 J ialah _____
- 11 K ialah _____
- 12 L ialah _____
- 13 M ialah _____
- 14 N ialah _____

Soalan 15 hingga 18 Soalan .

Tandakan () pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 15 Wahyu diturunkan bersesuaian dengan fitrah dan akal manusia.
- 16 Memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan di muka bumi ini bukanlah tanggung jawab manusia sebagai seorang khalifah.
- 17 Kita perlu mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW pada hari Maulidur Rasul sahaja.
- 18 Prinsip pandangan hidup islam adalah mudah dilaksanakan dan tidak membebankan.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Alamiyyah ?

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** ciri prinsip Alamiyyah.

[4 markah]

- (b) (i) Terangkan **dua** ciri prinsip Waqiyyah .

[4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** ciri prinsip Thabat. .

[4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** ciri prinsip Murunah. .

[4 markah]

- 3 (a) (i) Jelaskan **tiga** prinsip pandangan hidup Islam.

[6 markah]



"Islam adalah Agama yang benar"

- (ii) Berdasarkan gambar di atas, berikan **dua** pandangan anda perkaitan antara gambar dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam.

[4 markah]

- (iii) Islam sebagai sistem kehidupan manusia , yang merangkumi sistem khalifah dan hamba, sistem perundangan dan kehakiman, sistem sosial Islam dan ekonomi Islam serta sistem pemerintahan dan pentadbiran.

Berikan pandangan anda, apakah perkaitan pernyataan di atas dengan kepentingan mengamalkan prinsip pandangan hidup Islam dari sudut prinsip Syumuliyah.

[4 markah]

(b)



Ibadah Haji Menghapuskan Diskriminasi

- (i) Nyatakan prinsip pandangan hidup Islam yang bersesuaian dengan pernyataan dan gambar di atas.

[1 markah]

- (ii) Kemukakan hujah anda , perkaitan antara gambar di atas dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam.


[5 markah]

- (c) Rukhsah dalam solat adalah salah satu cara ibadah yang dilaksanakan apabila seseorang tidak dapat melakukan solat seperti biasa seperti apabila sakit yang tidak mampu untuk bangun.

Jelaskan perkaitan pernyataan di atas dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam.

[6 markah]

(d)



Solat dari Perspektif Sains

- (i) Nyatakan prinsip pandangan hidup Islam yang bersesuaian dengan gambaran di atas.

[1 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda, berikan **dua** perkaitan gambar di atas dengan kepentingan mengamalkan prinsip hidup Islam.

[4 markah]

- 4 (a) Prinsip Pandangan hidup Islam adalah di antara beberapa jalan penyelesaian dalam menyelesaikan isu dan persoalan ummah dalam kalangan masyarakat.

- (i) Pada pandangan anda, adakah Islam mencabuli hak asasi manusia. Berikan pandangan bagaimana islam menyelesaikan isu tersebut.

[6 markah]

- (ii) Berdasarkan kefahaman anda, tentang prinsip hidup Islam.

Terangkan salah faham mengenai hukum faraid atau pembahagian harta pusaka dalam masyarakat sekarang

[6 markah]

TEMA 2 : MANUSIA SEBAGAI HAMBAN DAN KHALIFAH ALLAH SWT

Pelajaran 6 : Fitrah Kejadian Insan

BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 7

1. Alam yang dirahsiakan oleh Allah SWT.
2. Ditiupkan roh, ditetapkan ajal, rezeki dan amalannya.
3. Alam sementara manusia diuji.
4. Menjadi tempat persinggahan sementara menunggu hari kiamat sesudah kematian.
5. Alam yang kekal dan abadi setelah terjadi kiamat.
6. Kewujudannya hanya dapat diketahui dan diyakini daripada penjelasan al-Quran dan as-Sunnah.
7. Dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.


Soalan 8 hingga Soalan 15

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

8. _____ gelaran yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia pertama yang diciptakan-Nya..
9. Allah SWT memerintahkan kepada para malaikat dan jin untuk _____ memberi penghormatan sebagai memuliakan Adam a.s.
10. Allah SWT mempersilakan Adam a.s dan _____ untuk tinggal di dalam syurga.
11. Insan ialah makhluk _____ Allah SWT.
12. Menurut Islam, ketika janin berusia _____ Allah SWT meniupkan roh ke dalam jasad manusia.
13. _____ adalah unsur utama yang membezakan manusia dengan makhluk lain ciptaan Allah SWT.
14. Allah SWT menjadikan manusia sebagai _____ atau pentadbir di atas muka bumi.
15. Asal usul kejadian manusia adalah bermula daripada penciptaan _____ yang berasal daripada tanah.

Soalan 16 hingga Soalan 18 berdasarkan rajah yang berkaitan dengan proses kejadian insan.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.



16 P ialah _____

17 Q ialah _____

18 R ialah _____

Soalan 19 hingga 24 Soalan .

Tandakan () pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

19 Sperma lelaki dan perempuan bercantum dan disenyawakan di dalam Rahim perempuan (permanian).

20 Allah SWT akan meniupkan roh ke dalam tubuh janin yang berumur enam bulan.

21 Kita akan sentiasa bersyukur apabila mengingati asal usul kejadian.

22 Allah SWT menetapkan ajal, rezeki dan amalannya ketika di alam roh.

BAHAGIAN B

1 (a) (i) Nyatakan maksud insan ?

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** keistimewaan insan.

[4 markah]

- (b) (i) Manusia perlu memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.
Terangkan **tiga** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan.

[6 markah]

- (ii) Huraikan **dua** tindakan yang perlu dilakukan untuk memelihara fitrah kejadian insan.

[4 markah]

- (iii) Ateisme ialah fahaman yang menolak kewujudan tuhan dan amalan beragama. Golongan ini mempunyai pengikut yang ramai sejak kebelakangan ini.
Kemukakan hujah anda, mengapa golongan ini menolak fahaman beragama.

[6 markah]

Pelajaran 7 : Tanggungjawab Sebagai Hamba dan Khalifah Allah SWT
BAHAGIAN A

Arahan : Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 3

1. Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT.
2. Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi.
3. Masyarakat dan generasi yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan.


Soalan 4 hingga Soalan 8.

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

4. Konsep _____ diri kepada Allah SWT dalam akidah, syariat dan akhlak.
5. Sentiasa mengingati Allah SWT dengan _____.
6. Mengamalkan konsep amar makruf _____ dalam masyarakat.
7. Sebagai manusia, kita dikehendaki _____ kepada Allah SWT sebagai tanda bersyukur.
8. Saling menghormati dan bertoleransi adalah tanggungjawab manusia kepada _____.

Soalan 9 hingga Soalan 10 berdasarkan rajah tujuan penciptaan manusia.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.



9 P ialah _____

10 Q ialah _____

Soalan 11 hingga Soalan 14 .

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 11 Tanggungjawab manusia sesama manusia ialah memelihara hak-hak jiran.
- 12 Penjagaan kelangsungan bagi kehidupan flora dan fauna adalah tanggungjawab kita manusia sesama manusia.
- 13 Belajar sambil lewa adalah di antara punca pengabaian tanggungjawab kita sebagai seorang hamba dan khalifah.
- 14 Ponteng kelas dan kegiatan vandalisme di sekolah adalah kesan daripada pengabaian kita sebagai seorang hamba dan khalifah.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian hamba.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan maksud khalifah.

[2 markah]

- (b) (i) Walaupun manusia sebagai khalifah di muka bumi, gelaran hamba sentiasa mengingatkannya kepada Allah SWT Yang Maha Berkuasa. Terangkan **tiga** hubungan hamba dan khalifah.

[6 markah]

- (ii) Huraikan **dua** tanggungjawab manusia terhadap Allah SWT.

[4 markah]

- (iii) Huraikan **dua** tanggungjawab manusia sesama manusia.

[4 markah]

- (iv) Huraikan **dua** tanggungjawab manusia terhadap alam.

[4 markah]

- (c) (i) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut agama.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut pendidikan .

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut politik.

[4 markah]

- (iv) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut ekonomi.

[4 markah]

- (v) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah sudut sosial.

[4 markah]

- (d) (i) Huraikan **dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah.

[4 markah]

- (ii) Huraikan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah.

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan **dua** aktiviti yang sesuai untuk merealisasikan tindakan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini.

[2 markah]

- (iii)

<http://maribelajar.forumotion.com/forum.htm>



Berdasarkan keadaan di atas, berikan pandangan anda sebagai seorang hamba cara mengatasi masalah tersebut.

(iv)

[6 markah]



Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah cara anda sebagai seorang pelajar menasihati rakan-rakan anda yang suka membuang masa melakukan perkara yang tidak berfaedah.

[4 markah]

Pelajaran 8 : Peranan Wahyu dan Akal
BAHAGIAN A

Arahan : Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 2

1. Perintah Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s.

- 2 Dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.


Soalan 3 hingga Soalan 7


Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 3 Malaikat _____ menyampaikan wahyu Allah SWT kepada para nabi dan rasul.
- 4 Kesuciannya terpelihara sehingga hari _____.
- 5 Membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah dan mendapat _____.
- 6 Fungsi akal adalah dapat membezakan antara perkara _____ dengan perkara kesesatan.
- 7 Apabila manusia menyalahgunakan _____, mereka akan menjadi hina dan tarafnya lebih hina daripada haiwan.

Soalan 8 hingga Soalan 10 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.





Rajah 1


8 P ialah _____

9 Q ialah _____

10 R ialah _____

Soalan 11 hingga Soalan 12 berdasarkan rajah 2 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.



Rajah 2

11 P ialah _____

12 Q ialah _____

Soalan 13 hingga Soalan 15.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

13 Akal membezakan manusia dengan haiwan.

14 Akal mampu memikirkan perkara-perkara ghaib.

- 15 Kesucian wahyu terpelihara hingga hari kiamat.
- 16 Akal ialah alat yang berfungsi untuk berfikir.
- 17 Akal dianugerahkan kepada semua makhluk.
- 18 Wahyu masih diturunkan lagi selepas kewafatan Rasulullah SAW.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian wahyu.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan maksud akal.

[2 markah]

- (b) (i) “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dzikir (wahyu al-Quran) dan Kamilah yang akan menjaganya*”.

(Surah al-Hijr 15;9)

Terangkan **tiga** ciri wahyu al-Quran.

[6 markah]

- (ii) “*Sesungguhnya Kami telah jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu mahu berfikir*”.

(Surah Ali’Imran 3;118)

Huraikan **tiga** ciri akal.

[6 markah]

- (c) (i) Huraikan **dua** fungsi wahyu terhadap akidah.

[4 markah]

- (ii) Huraikan **dua** fungsi wahyu terhadap ibadah.

[4 markah]

- (iii) Huraikan **dua** fungsi wahyu terhadap akhlak.

[4 markah]

- (iv) Jelaskan **dua** keistimewaan al-Quran.

[4 markah]

- (d) Jelaskan **tiga** fungsi akal .

[6 markah]

- (e) Islam meletakkan wahyu dan akal di kedudukan yang sama penting. Wahyu memandu akal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

- (i) Terangkan **tiga** kedudukan wahyu.

[6 markah]

- (ii) Terangkan **tiga** kedudukan akal.

[6 markah]

- (f) (i) Jelaskan **tiga** perkara yang merosakkan akal.

[6 markah]

- (ii) Akal perlu dibimbing oleh wahyu kerana kemampuan akal terbatas dan terdedah kepada kesilapan.

Huraikan **tiga** kepentingan wahyu dalam memelihara akal.

[6 markah]

(g) (i) **LGBT bukan isu terpencil, perlu ditangani bersama - Mufti Wilayah**

IPOH: Perkembangan dan pertambahan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) ketika ini adalah satu fenomena yang semakin menular dalam kalangan masyarakat dan memerlukan kerjasama semua pihak untuk menangani dan mengatasinya.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, berkata penularan gejala songsang itu juga jelas memperlihatkan tanda bahawa dunia kini sudah semakin ke penghujung dan menjadi tanda-tanda kepada akhir zaman.

Oleh [Shaarani Ismail](#) - Oktober 11, 2018 @ 4:09pm shaarani@nstp.com.my

Berdasarkan pernyataan akhbar di atas, kemukakan mengapa gejala seks songsang masih diamalkan oleh sebahagian umat Islam walaupun ditegah dalam Islam sedangkan perkara tersebut merupakan kebebasan individu.

[6 markah

Pelajaran 9 : Asas Sistem Sosial Islam

BAHAGIAN A

Arahan : *Jawab semua soalan .*

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 6

1. Kalam Allah SWT yang diturunkan melalui malaikat Jibrail a.s.
2. Kesepakatan para ulama mengenai sesuatu hukum syarak.
3. Segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat fizikal atau akhlak.
4. Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illah (sebab) hukum.
5. Tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yang halus dan mulia.
6. Prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.

Soalan 7 hingga Soalan 12

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

7. Adab dan etika berdasarkan sistem sosial berpandukan al-quran dan _____.
8. Perhubungan dalam sistem sosial Islam adalah berasaskan iman dan _____ kepada Allah SWT.
9. Tujuan sistem Sosial Islam adalah untuk mewujudkan _____ yang harmoni dalam kehidupan manusia.
10. _____ bermaksud kesepakatan para mujtahid daripada kaum Muslimin dalam suatu masa atas hukum syarak.
11. Penghayatan prinsip _____ penting bagi mewujudkan perpaduan dalam masyarakat majmuk.
12. Institusi _____ merupakan unit asas dalam pembentukan masyarakat dan negara.

Soalan 13 hingga Soalan 14 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Sumber Utama Sistem Sosial Islam	Al-Quran
	P
	Al-Ijmak
	Q

Jadual 1

13 P ialah _____

14 Q ialah _____

Soalan 15 hingga Soalan 16 berdasarkan jadual 2 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Matlamat Sistem Sosial Islam
R
Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam
Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
S

Jadual 2

15 R ialah _____

16 S ialah _____

Soalan 17 hingga Soalan 23.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 17 Adab dan etika Sistem Sosial Islam berpandukan adat dan budaya setempat.
- 18 Sistem Sosial Islam sentiasa menitikberatkan hubungan yang berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- 19 Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam adalah salah satu cara yang digalakkan dalam Sistem Sosial Islam.
- 20 Mengutamakan kepentingan individu berbanding kepentingan umum adalah perkara yang diambil kira dalam Sistem Sosial Islam.
- 21 Islam memaksa orang bukan Islam untuk menganuti agama Islam.
- 22 Islam mewajibkan manusia memelihara kehormatan diri agar tidak dipandang hina oleh orang lain.
- 23 Islam meletakkan nyawa manusia sebagai sesuatu yang sangat berharga.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian Sistem Sosial Islam.

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **empat** sumber Sistem Sosial Islam.

[4 markah]

- (b) (i) Terangkan **tiga** adab dan etika Sistem Sosial Islam.

[6 markah]

- (ii) Hak asasi manusia ialah hak-hak asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk menjalani kehidupan dengan sejahtera.

Huraikan **tiga** hak asasi manusia.

[6 markah]

- (c) (i) Jelaskan **dua** keistimewaan Sistem Sosial Islam.

[4 markah]

- (ii) Nyatakan kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut agama.

[2 markah]

- (iii) Nyatakan kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut pendidikan .

[2 markah]

- (d) (i) Nyatakan kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut perpaduan .

[2 markah]

- (ii) Huraikan **dua** kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut politik.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan Sistem Sosial Islam dari sudut ekonomi.

[4 markah]

- (e) (i) Terangkan **tiga** kepentingan Sistem Sosial Islam.

[6 markah]

- (ii) Jelaskan **tiga** tindakan yang sesuai bagi merealisasikan Sistem Sosial Islam.

[6 markah]

- (f) (i)



Berdasarkan gambar di atas, ramalkan apa yang akan berlaku kepada negara jika situasi ini tidak diatasi.

[6 markah]

Pelajaran 10 : Sistem Kekeluargaan Islam
BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Soalan 1 hingga Soalan 7

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 1 Ciri-ciri kekeluargaan Islam berdasarkan _____ kepada Allah SWT.
- 2 Sesebuah keluarga memainkan peranan dan _____ masing-masing memupuk keluarga yang bahagia.
- 3 Di antara matlamat Institusi Kekeluargaan Islam adalah ingin melahirkan generasi yang _____ kepada Allah SWT
- 4 Melalui ikatan perkahwinan, dapat memastikan kelangsungan _____ yang sah.
- 5 Melalui _____, ahli keluarga dapat berdoa bersama-sama, bersalaman dan bermaafan.
- 6 Perkahwinan merupakan _____ Rasulullah SAW.
- 7 _____ kepada ibu bapa merupakan antara tanggungjawab anak ketika ibu bapa sudah uzur dan tua.

Soalan 8 hingga Soalan 9 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

RUKUN NIKAH
Suami
P
Dua orang saksi
Q
Akad(ijab dan kabul)

Jadual 1

- 8 P ialah _____
- 9 Q ialah _____

Soalan 10 hingga Soalan 14.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul
 Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 10 Sesebuah institusi kekeluargaan Islam yang sempurna dapat membentuk sebuah keluarga yang berakhlak mulia.
- 11 Isteri bertanggungjawab menyediakan keperluan asas seperti makanan dan minuman.
- 12 Suami memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga seperti membantu isteri dalam mendidik anak-anak.
- 13 Seorang anak yang solehah boleh mendoakan ibu bapanya ketika masih hidup atau telah meninggal dunia.
- 14 Pembinaan keluarga yang sejahtera dan harmoni merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian keluarga.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ciri kekeluargaan Islam.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **tiga** matlamat Institusi kekeluargaan Islam.

[6 markah]

- (b) (i) Maksud Sabda Rasulullah SAW;

“Sebaik-baik kamu adalah sebaik-baik kamu terhadap keluargamu dan aku adalah terbaik daripada kamu terhadap ahli keluargaku.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Huraikan **tiga** peranan suami dalam membnetuk keluarga bahagia.

[6 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** peranan isteri terhadap keluarga.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** peranan suami dan isteri terhadap keluarga.

[4 markah]

- (iv) Senaraikan **empat** peranan anak dalam sesebuah keluarga.

[4 markah]

- (c) (i) Terangkan **tiga** kepentingan pembinaan keluarga bahagia selaras dengan tuntutan Islam.

[6 markah]

- (ii) Huraikan **dua** cara yang sesuai bagi merealisasikan pembinaan keluarga Islam..

[4 markah]

(d)



Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah cara anda untuk merealisasikan tuntutan Islam dalam membina sebuah keluarga bahagia berdasarkan keimanan dan ketakwaan.

[6 markah]

Pelajaran 11 : Prinsip Pergaulan Menurut Islam
BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 4

1. Mengenal latar belakang antara satu sama lain.
2. Menjauhi sikap adu domba adalah satu sikap yang mahmudah.
3. Bersikap lapang dada dan pemaaf.
4. Saling tolong menolong ke arah kebaikan.

Soalan 5 hingga Soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

5. Asas dalam pergaulan adalah sentiasa menghulurkan _____ kepada golongan yang memerlukan.
6. Prinsip pergaulan Islam berlandaskan _____ Islam.
7. Perkara-perkara negatif dapat dihindari apabila mengamalkan sifat-sifat _____.
8. Sifat mahmudah ialah sifat terpuji yang diamalkan seseorang individu semasa _____ dengan orang lain.

Soalan 9 hingga Soalan 10 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Asas Pergaulan Dalam Islam
P
Tafahum
Q

Jadual 1

9. P ialah _____
10. Q ialah _____

Soalan 11 hingga Soalan 13 berdasarkan jadual 2 di bawah.
 Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Prinsip Pergaulan Dalam Islam
Bermatlamatkan keimanan
R
Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan mencegah kejahatan
S
Memberikan panduan berinteraksi sesama manusia
T

Jadual 2

- 11 R ialah _____
- 12 S ialah _____
- 13 T ialah _____

Soalan 14 hingga Soalan 18.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 14 Adab pergaulan dalam Islam tidak menitik beratkan pergaulan antara lelaki dan perempuan.
- 15 Ketika berkomunikasi kita hendaklah menjaga tutur kata supaya tidak menyakiti orang lain.
- 16 Prinsip pergaulan Islam boleh membawa kepada keamanan dalam sesebuah negara kerana menggalakkan amar makruf dan nahi mungkar.
- 17 Adab dalam pergaulan Islam amat menekankan akhlak mazmumah kerana ia selari dengan fitrah manusia.
- 18 Berfikiran positif adalah salah satu contoh akhlak mahmudah.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian pergaulan dalam Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** asas pergaulan dalam Islam.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **tiga** prinsip pergaulan dalam Islam.

[6 markah]

- (b) (i) Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

“Janganlah kamu berhasad dengki, tipu menipu, benci membenci, berpaling muka dan janganlah (berebut) membeli atau menjual (barang) yang sedang dibeli atau dijual oleh orang lain. Dan jadilah engkau sekalian hamba Allah SWT yang bersaudara. Seseorang Muslim itu adalah saudara bagi Muslim yang lain dan tidak boleh menzaliminya...”

(Riwayat Muslim)

Jelaskan **tiga** adab pergaulan dalam Islam.

[6 markah]

- (c) (i) Apakah maksud sifat mahmudah dalam pergaulan?

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh sifat mahmudah dalam pergaulan Islam.

[4 markah]

- (iii) Huraikan **dua** cara bagi memupuk sifat mahmudah dalam kalangan masyarakat.

[4 markah]

- (iv) Terangkan **tiga** kepentingan prinsip pergaulan Islam dalam kehidupan seharian.

[6 markah]

(d)



- (i) Berdasarkan maksud doa di atas, kemukakan hujah anda bagaimana maksud doa tersebut dapat dicapai?

[4 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** adab berdoa.

[2 markah]

Arahan :Jawab semua soalan .

Soalan 1 hingga Soalan 5

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 1 Islam membenarkan umatnya untuk _____ selagi tidak bercanggah dengan syarak.
- 2 Adab dalam berhibur dalam Islam di antaranya tiada unsur –unsur yang merosakkan _____ dan maksiat.
- 3 Menghasilkan karya hiburan yang _____ adalah etika hiburan dalam Islam.
- 4 Pihak penganjur yang menganjurkan konsert hiburan mestilah memastikan waktu _____ dihormati.
- 5 Antara garis panduan berhibur adalah untuk mendapat _____ Allah SWT.

Soalan 6 hingga Soalan 7 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Kepentingan Adab dan Etika Hiburan
Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
P
Q
Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam

Jadual 1

- 6 P ialah _____
- 7 Q ialah _____

Soalan 8 hingga Soalan 12.

Tandakan (\surd) pada pernyataan yang betul
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 8 Hiburan dalam Islam boleh membentuk peribadi yang baik.
- 9 Pihak penganjur perlu menyediakan kemudahan awam yang selesa tetapi tidak perlu menyediakan tempat solat.
- 10 Islam membenarkan lelaki dan perempuan berhibur dengan hiburan yang bertentangan dengan Islam.
- 11 Kepentingan adab dan etika hiburan kita dapat mengetahui batasan manusia dalam berhibur.
- 12 Hiburan yang menitik beratkan adab dan etika dalam berhibur dapat melihatkan keindahan Islam kepada masyarakat bukan Islam.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian hiburan dalam Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** konsep hiburan dalam Islam.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **tiga** adab dan etika hiburan.

[6 markah]

- (b) (i) Jelaskan **tiga** garis panduan yang telah ditetapkan dalam hiburan.

[6 markah]

(ii)



Gambar di atas merupakan kumpulan K-pop Korea yang terkenal. Ramalkan apa yang akan terjadi kepada remaja masa kini jika terlampau meminati hiburan ini .

[6 markah]

BAHAGIAN A

Arahan :Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1

1. Cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan keindahan , cita rasa dan lain-lain.

Soalan 2 hingga Soalan 5

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- 2 Kesenian itu sesuatu yang indah dan sesuai dengan _____ dan naluri manusia.
- 3 Kesenian Islam bertujuan menzahirkan _____ dan kehalusan yang menepati syarak.
- 4 Kepentingan adab dan _____ kesenian menurut Islam adalah bertujuan untuk mengakui dan menyakini kekuasaan Allah SWT.
- 5 Kesenian dalam Islam adalah bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan _____ .

Soalan 6 hingga Soalan 7 berdasarkan jadual 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Konsep Kesenian Islam
Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian
P
Meliputi aspek iman dan akhlak
Q
Membangun potensi umat Islam

Jadual 1

- 6 P ialah _____

- 7 Q ialah _____

Soalan 8 hingga Soalan 11.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- 8 Sesuatu kesenian itu dilarang jika terdapat unsur yang merosakkan akidah dan syariat.
- 9 Boleh meninggalkan ibadah wajib kerana kesuntukan masa untuk melakukan pameran.
- 10 Kepentingan menjaga adab dan etika dalam kesenian Islam dapat memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan selari dengan syarak.
- 11 Pereka fesyen boleh mereka pakaian yang tidak memenuhi syariat Islam bagi memenuhi tuntutan pasaran selaras dengan konsep murunah.

BAHAGIAN B

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian kesenian Islam.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** adab dan etika kesenian menurut Islam.

[4 markah]

- (b) (i) Apakah pandangan Islam tentang kesenian?

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah seorang seniman melaksanakan adab dan etika dalam kesenian Islam?

[2 markah]

- (iii) Terangkan **tiga** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam .

[6 markah]

- (c) Ibnu Khaldun menyatakan bahawa "Seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri estetika, etika dan logik"
Berikan pandangan anda.

[6 markah]